

| Pengenalan



Panggilan ini untuk berdoa bagi orang-orang Muslim pada mulanya datang pada suatu perjumpaan yang melibatkan beberapa orang pemimpin Kristian di Timur Tengah pada tahun 1992. Beberapa orang percaya yang terlibat di dalam suatu gerakan antarabangsa terasa bahawa Tuhan ada kerinduan untuk ramai orang

Kristian untuk berdoa bagi dunia Muslim. Gerakan doa dirancang bagi masa yang sama dengan bulan Ramadhan. Tujuannya adalah bahawa “30 Hari” harus diadakan pada bulan Ramadhan bagi sekurang-kurangnya dua sebab: (1) sebagai cara untuk orang Kristian berdiri bersama dengan orang Muslim bagi suatu masa yang tertentu pada setiap tahun, (2) untuk berseru kepada Tuhan bagi campurtanganNya yang illahi ke dalam kehidupan orang-orang Muslim pada suatu masa pada setiap tahun semasa mereka paling

mengutamakan agama. Berdoa pada bulan Ramadhan tidak bererti bahawa kita mengikut cara-cara Islam dalam doa dan puasa.

Sebagai orang-orang yang percaya dalam Yesus, kita tidak setuju dengan idea-idea, teologia(ajaran) dan amalan Islam dalam beberapa perkara. Akan tetapi, gerakan “30 Hari” ini menekankan kasih Tuhan bagi orang-orang Islam. Kami mendorong semua orang yang percaya akan Mesias untuk memupuk roh yang rendah hati, mengasihi dan ingin melayani terhadap orang-orang Islam.



| Pengenalan

Tujuan panduan berdoa ini adalah untuk mengilhamkan dan membimbing setiap pembaca semasa dia bersyafaat bagi dunia Muslim. Ia tidak merupakan maklumat yang lengkap tentang dunia Muslim. Kami mendorong anda mencari maklumat seterusnya untuk mendapat pemahaman yang lebih lengkap terhadap dunia Islam dan pekerjaan Tuhan di kalangan orang-orang Islam. Sekali lagi bagi tahun ini kami telah menyertakan beberapa kesaksian di dalam buku panduan doa ini untuk mendorong iman anda semasa anda berdoa. Tuhan

mengasihi orang Muslim. Dia mahu mereka mengenali Dia.

30 Hari di Seluruh Dunia

Dalam beberapa tahun ini, buku-buku panduan dan maklumat doa “30 Hari” telah diagihkan dalam lebih daripada 30 bahasa dalam lima benua dan di kepulauan Lautan Pasifik. Buku-buku panduan dan bahan-bahan doa yang lain telah diterbitkan dalam Bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Sepanyol, China, Itali, Norway, Portugis, Korea, Arab, Swahili, Hindi, Tamil, Urdu, Indonesia, Belanda, Finland, Afrikaans dan juga banyak bahasa yang lain. Lebih

kurang 300,000 salinan bahan-bahan cetakan telah diagihkan di dalam beberapa bahasa yang berlainan pada tahun 2006 dan juga tahun 2007. Laman web kami

www.30-days.net dan
www.30daysfire.net

mendapat lebih dari 200,000 pelawat dan lebih daripada satu juta laman telah dilayari dalam beberapa bahasa. Beberapa edisi “30 Hari” agak berbeza, tetapi setiap mereka mempunyai tujuan sama iaitu membantu orang-orang Islam menemui Yesus kita yang hidup.

